

SH 2011/2019 M/S 20

Tok Ajam kampung 'Super'

Anggota Super turut awasi sungai sepanjang 13km bendung aktiviti tangkap ikan terlarang

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Sungai menjadi nadi kepada penduduk Kampung Tok Ajam di mana kebanyakan penduduknya menjana pendapatan hasil tangkapan ikan sungai atau ikan darat.

Walaupun mempunyai bendang padi luas, Tok Ajam dikenali sebagai kampung nelayan darat yang memasarkan hasil tangkapan ke pasar-pasar di daerah ini dan daerah yang berjiran seperti Bachok, Machang dan Besut.

Penglibatan ramai penduduk itu menarik perhatian Jabatan Perikanan untuk mewujudkan pasukan Sukarelawan Perikanan (Super) sejak beberapa tahun lalu.

Nelayan sungai di kampung itu bukan sahaja menerima pelbagai bentuk sumbangan malah menjadi mata dan telinga kepada jabatan



Penduduk melihat buaya yang memasuki perangkap yang dipasang Perhilitan.

berkenaan bagi membendung aktiviti menangkap ikan secara terlarang seperti kaedah tuba, kejutan elektrik dan bom.

Anggota Super Kampung Tok Ajam bukan hanya menangkap ikan, malah turut mengawasi sungai sepanjang 13 kilometer agar bebas daripada aktiviti

terlarang kerana sungai itulah sumber rezeki mereka.

Selain nelayan, Jabatan Perikanan turut membimbing isteri-isteri nelayan sungai menjadi usahawan dengan hasilkan produk berasaskan hasil sungai khususnya ikan pekasam.

Selain itu katanya, pihak jabatan turut menyediakan kursus kepada 200 anak nelayan yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Akademi Perikanan Malaysia di Chendering untuk nelayan laut dan Pusat Penyelidikan Ikan di Pulau Sayat untuk nelayan sungai.

Raih pendapatan lumayan

Bukan sahaja ikan, nelayan sungai Tok Ajam juga meraih pendapatan lumayan dengan hasil tangkapan udang galah ditambah lagi dengan galakan Jabatan Perikanan yang pernah melepaskan 73,000 anak ikan dan udang galah di sungai berkenaan.

Pengerusi Super Tok Ajam, Mat Daud Mamat, 56, berkata, seramai 70 ahlinya meraih tangkapan sebanyak 4,625 kilogram bernilai kira-kira RM115,000 dalam tempoh sebulan.

Katanya, sumbangan bot, pukot, pejabat operasi dan kursus pemprosesan ikan pekasam memberi manfaat besar kepada ahlinya.

"Kebanyakan penduduk bergantung kepada sungai ini walaupun ada beberapa kes buaya menampakkan diri dan menyerang nelayan," katanya.

Kelibat buaya tak patahkan semangat

Ramai nelayan terserempak dengan buaya dan salah seorang daripada mereka nyaris maut diserang reptilia itu ketika bersihkan jala di sungai.

Dalam kejadian Ogos 2016 itu, Ibrahim Nor, 61, cedera di lutut dan betis selepas bergelut dengan buaya sepanjang tiga meter.



Nelayan sungai Kampung Tok Ajam menerima sumbangan pukot daripada Jabatan Perikanan.



Isteri nelayan sungai menghasilkan produk ikan pekasam yang menjana pendapatan keluarga.



Ibrahim selepas sehari peristiwa serangan buaya di Sungai Tok Ajam.